

**Teori Taksonomi Bloom serta Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Mengaplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pengajaran Akidah Menurut Perspektif Jurulatih Utama Negeri (JU) Sekolah Rendah dan Menengah**

**Bloom's Taxonomy and the Challenges Faced by Islamic Education Teachers in Applying Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Teaching Aqidah from the Perspective of State Trainers (JU) in Primary and Secondary Schools**

Pauzi Yusoff

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
pauziyusoff74@gmail.com.my

Mohd Fauzi Hamat

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
mhamat@um.edu.my

Mohamad Azrien Mohamed Adnan

Program Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
mdazrien@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no1.2>

**Abstract**

The emphasis on critical thinking skills remains the primary focus in 21st-century thinking skills. However, the implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) is deemed not fully achievable yet by Islamic Education teachers (GPI) in the teaching and learning sessions of the aqidah field. This study focuses on the challenges faced by Islamic Education teachers instructing the aqidah field based on the Document of Content and Assessment Standards (DSKP), as per the perspectives of State trainers (JU). The research design employs a semi-structured interview method, and the gathered data is thematically analyzed using ATLAS.ti V8 software. Ten participants were selected to represent five zones in Malaysia. These State trainers are expert teachers with extensive experience in Islamic religious education, recognized under the Ministry of Education Malaysia. The selected zones include one participant from a primary school and one from a secondary school in the Northern, Southern, Eastern, Central, and East Malaysia (Sabah) zones. Findings indicate that integrating Bloom's taxonomy framework into HOTS aqidah teaching

faces challenges for GPI due to three major obstacles: individual teacher aspects, internal and external administrative issues, and student aspects with various interpretations.

**Keywords:** Higher Order Thinking Skills; Bloom's Taxonomy; Challenges for GPI; aqidah teaching and learning

### **Abstrak**

Penekanan kepada aspek kemahiran berfikir menjadi fokus utama dalam kemahiran berfikir abad ke-21. Namun, pelaksanaan KBAT disifatkan belum lagi berupaya untuk diaplikasikan sepenuhnya oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bidang akidah. Kajian ini memfokuskan mengenai isu yang sedang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar bidang akidah berdasarkan Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) menurut pandangan jurulatih-jurulatih Utama (JU) Negeri. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah temu bual separuh struktur. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik bagi mendapatkan tema dengan menggunakan perisian ATLAS t.i.V8. Seramai sepuluh orang peserta kajian dipilih bagi mewakili lima zon di Malaysia. Jurulatih-jurulatih Utama Negeri ini merupakan guru pakar dan mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam pendidikan agama Islam dan telah diperakukan kewibawaannya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Zon yang dipilih pula melibatkan peserta kajian dari sekolah rendah dan peserta dari sekolah menengah dari zon utara, selatan, timur, tengah dan Malaysia Timur (Sabah). Dapatan menunjukkan pengintegrasian rangka kerja taksonomi Bloom dalam PdP KBAT pengajaran akidah agak sukar untuk diaplikasikan oleh GPI kerana terdapatnya tiga halangan terbesar iaitu aspek sikap individu guru, pentadbiran peringkat dalaman dan luaran serta aspek murid dengan pelbagai interpretasi.

**Keywords:** Kemahiran Berfikir Aras Tinggi; Taksonomi Bloom; Cabaran GPI; PdP bidang akidah

### **Pengenalan**

Agama Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya sentiasa cemerlang dari masa ke semasa dan dalam masa yang sama perlu bersifat proaktif bagi mendepani cabaran semasa pendidikan Negara.<sup>1</sup> Oleh itu, peranan guru Pendidikan Islam adalah sangat

---

<sup>1</sup> Kamarul Azmi Jasmi, "Pendidikan Islam: Cabaran Di Alaf Baru", (Seminar Pendidikan Islam, Peringkat Kebangsaan, Anjuran Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, 30 Oktober 2011), 1.

penting untuk membangunkan kesempurnaan iman dan membina ketinggian akhlak anak muridnya.<sup>2</sup> Al-Nawawi berpandangan guru yang cemerlang ialah pendidik yang memiliki keazaman yang tinggi dalam profesionnya, terkehadapan dalam mendepani cabaran dan sanggup bersusah payah demi menegakkan agama Allah SWT.<sup>3</sup> Apabila guru Pendidikan Islam berupaya mengekalkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan, maka akan terbentuklah sebuah Negara yang kuat kerana keintelektualan ilmu dan kemahiran yang telah dikuasai oleh rakyatnya.

Sejajar dengan keperluan semasa pendidikan di Malaysia, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang bertujuan untuk menjadikan Pendidikan Malaysia lebih mampan dan berdaya saing.<sup>4</sup> Laporan dalam Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyebutkan:

“PPPM 2013-2025 menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam

---

<sup>2</sup> Ibn Majah, al-Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwiniy, *Sunan Ibn Majah* (Misr: Dar al-Fikr, t.t.), 76. Lihat Ahmad Ibn Hanbal, al-Imam Abu ‘Abdullah Ibn Muhammad Ibn Hanbal ibn Hilal al-Shaibani, *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hanbal* (Misr: Dar al-Ma’arif, 1994), 4836-4873.

<sup>3</sup> Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1981). Guru yang memiliki keazaman yang tinggi bermaksud guru yang sentiasa memperbaiki kelemahan diri dan berusaha mencapai tuntutan Islam dan berusaha gigih dalam pengajaran, melaksanakan keperibadian mulia, berupaya menguruskan diri dan organisasi dengan sempurna. Selain itu, guru-guru Pendidikan Islam disarankan berusaha meningkatkan profesionalisme keguruan seolah-olah mereka cuba berusaha untuk mengamati keindahan, kecantikan dan kesempurnaan yang telah diciptakan oleh Allah SWT di alam ini. Ertinya: “Sesungguhnya Allah SWT suka apabila seorang itu itu berkerja dan berusaha, dia melakukan dengan bersungguh-sungguh atau bijaksana (cemerlang). Lihat hadis yang ditafsirkan oleh Muslim, *al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Naisaburi* (Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah, 2001), 131; Abu Dawud, *al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Ash’ath al-Sajastani* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994): 3569; Ahmad, Ahmad Ibn Hanbal, *al-Imam Abu ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal al-Shaibani* (Misr: Dar al-Ma’arif, 1994), 3462, 3852.

<sup>4</sup> Sufean Hussin, “Cabaran Menyeluruh dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan untuk Masa Depan Malaysia”, (Seminar Transformasi Pendidikan Nasional, Peringkat Kebangsaan, Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 9-10 Mei 2014), 3. Lihat Mardiah Yahaya & Aslam Farah Selamat, “Ke Arah Transformasi Pendidikan (Program Ulul Albab: Kajian Kes MRSM Ulul Albab”, 4th International Conference on Islamiyyat Studies, Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor, 18th - 19th September 2018), 765. Lihat juga Asmawati Suhid et al., “Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia”, *International Journal of Education and Training* 1(2), (2015), 6.

Kementerian bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan tinggi masyarakat, serta mencetus dan menyokong transformasi perkhidmatan awam”.

*Sumber:* KPM, 2013, h. E-3

Ke arah itu, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan satu perkara yang menjadi keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan sebagaimana yang digariskan dalam PPPM 2013-2025. Kemahiran berfikir yang merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan. Oleh itu, sewajarnya guru-guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan amalan-amalan yang baharu dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21.<sup>5</sup>

### **Kemahiran Berfikir dalam Islam**

Agama Islam sangat menekankan kepada setiap penganutnya supaya sentiasa berfikir.<sup>6</sup> Berfikir dalam Islam bukan sekadar untuk mengetahui sebab-sebab kejadian itu diciptakan oleh Allah SWT sahaja. Bahkan makna berfikir dalam Islam ialah berfikir sehingga seseorang itu berjaya menemui *asbab* dan hikmah di sebalik kejadian yang diciptakan oleh Allah SWT.<sup>7</sup> Apabila seseorang itu berupaya menemui hikmah di sebalik penciptaan itu, maka ia sebenarnya telah mengoptimumkan fungsi akal dengan menggunakan kemahiran meramal dan pertimbangan, membuat interpretasi, menganalisis dan imaginasi sehingga dapat

---

<sup>5</sup> “Guru Abad ke 21”, Buletin Anjakan, Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Mac 2015, 1-2, Buletin Anyflip.

<sup>6</sup> Al-Qardawi, Yusuf, *Aql wa al-’Ilm fi al-Qur’an* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 13. Lihat Sohair Abdul Moneim Sery, *Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1990), 63; Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisis”, *Jurnal AFKAR* 3(1) (2002), 60; Abdul Mujib M. Ag, *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis* (Jakarta, 1999), 49-55; al-Quran Surah al-Haj (22: 46) dan Surah al-Rum (30: 8); Mohd Nasir Rayung, Abdul Said Ambotang dan Normiati Batjo, “Pengaruh Pengetahuan, Aplikasi Pengetahuan dan Keupayaan Imaginasi Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar”, *Jurnal Pemikir Pendidikan* (2023), 2.

<sup>7</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi* (Kaherah: Sharikah wa Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu bi Misr, 1946), juz. 13, 67. Kandungan al-Quran itu sendiri diakui mengandungi intipati pemikiran ilmiah dan penuh berisi. Lihat Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistimologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur’an* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 2-3.

menyelesaikan masalah tersebut sekali gus berupaya menyelesaikan masalah yang dihadapi.<sup>8</sup>

Islam melihat budaya berfikir ini sebagai satu amalan yang sangat mulia kerana dengan berfikir ia berupaya mendekatkan diri kepada-Nya.<sup>9</sup> Oleh itu, manusia yang berupaya menggunakan akalanya dengan bersungguh-sungguh sudah tentu ia dapat membangunkan jiwanya, membentuk tingkah laku terpuji dan akan sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah SWT.<sup>10</sup>

Menurut al-Ghazali (450-505H/1058-1111M), umat Islam dituntut agar sentiasa berfikir dalam mencari ilmu pengetahuan dan bukan sekadar menerokai ilmu pengetahuan semata-mata. Hal ini menunjukkan bahawa dalam menerokai sesuatu ilmu terdapat perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan elemen kemahiran berfikir. Tujuan menerapkan kemahiran berfikir adalah untuk menjadikan ilmu yang diperolehi nanti bersifat kritikal. Pembelajaran sebegini bukan sahaja akan menjadi lebih seronok, bahkan dapat merasakan ilmu yang diterokai itu sebagai satu wasilah dalam mencapai kebahagiaan di hari akhirat.<sup>11</sup> Dalam hal ini, beliau berpandangan terdapat lima perkara yang patut diberi perhatian dalam menerokai ilmu iaitu *mujahadah*, *riyadah*, pemerhatian, pergaulan dan muhasabah.<sup>12</sup>

Kemahiran berfikir yang dicetuskan oleh al-Ghazali dapat dikenal pasti melalui beberapa buah kitabnya yang terkenal seperti al-Iqtisad fi al-I'tiqad, Mihak al-Nazar dan Mi'yar al-'Ilm. Sehubungan itu, kemahiran berfikir yang diketengahkan oleh al-Ghazali dapat diringkaskan kepada tiga bentuk iaitu; a) pemikiran

---

<sup>8</sup> Mohamad Maliki Haji Ali et al., "Amalan Serapan Kemahiran Analitikal dalam Pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Menengah" (2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education (ICIED), 2011), 334. Lihat Suganti Ealangov, *Kertas Konsep: Strategi dan Cabaran Pengajaran Kemahiran Berfikir Secara Kreatif* (Jeli Kelantan: Politeknik Jeli Kelantan & Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK, 2022), 140.

<sup>9</sup> Pendekatan berfikir tersebut dikenali sebagai *madarik al-'uqul* dan ia dianggap sebagai kognitif yang paling tinggi dalam jiwa manusia. Keupayaan berfikir tersebut dianggap sebagai ciri yang membezakan cara berfikir manusia dengan makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Lihat Mohd Fauzi Hamat, "Kedudukan Mantik sebagai Mukadimah Ilmu: Satu Analisis Pandangan Imam al-Ghazali", *Afkar* 3 (2002), 34-35.

<sup>10</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Islam: Hadarah Al-Ghad* (Matba'ah al-Madani, Qaherah, 1995), 11.

<sup>11</sup> Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Juzuk 1, Tahqiq 'Ali Muhammad Mustafa dan Said al-Muhasini (Damsyik: Dar al-Faija', 2010) 149.

<sup>12</sup> Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 149; Azmil Hashim, "Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar di Sekolah Agama di negeri Perak", *Journal of Islamic and Arabic Education* 9(1) (2017), 3.

yang kritis akan berlaku apabila seseorang itu dapat membentuk satu pemikiran yang dapat memberi penilaian yang betul terhadap sesuatu kenyataan. Hal ini dijelaskan oleh al-Ghazali bahawa dalam berfikir perlu membuat pertentangan dan pembahagian atau disebut *al-sabr wa al-taqsim*. Dalam hal ini, al-Ghazali telah membataskan sesuatu perkara dengan dua kemungkinan atau bahagian. Kemudian, dibatalkan salah satu daripada kemungkinan tersebut dengan membenarkan kemungkinan yang satu lagi. Sebagai contoh, dalam membahaskan tentang kewujudan Allah SWT al-Ghazali telah menggunakan pemikiran kritis dengan menyatakan; “sama ada alam baharu (*hadith*) atau *qadim*? Tetapi adalah mustahil alam ini *qadim*, maka alam mesti adalah baharu”.<sup>13</sup> Berfikir secara kritis iaitu berfikir untuk menghasilkan satu kesimpulan daripada beberapa kenyataan untuk menghasilkan kesimpulan. Secara ringkasnya bentuk pemikiran ini memaparkan dua kenyataan dalam bentuk yang berlainan. Misalnya al-Ghazali telah menghasilkan idea bagi menunjukkan alam ini baharu dengan mengaitkan; “setiap perkara yang tidak terlepas daripada aspek baharu adalah baharu, tetapi alam tidak terlepas daripada aspek baharu, maka alam adalah baharu”.<sup>14</sup> Berfikir secara kritis iaitu berfikir berdasarkan kenescayaan atau kepastian. Hal ini dijelaskan oleh al-Ghazali dengan menghasilkan satu pola pemikiran untuk menolak pendapat dan hujah lawan yang mustahil. Al-Ghazali telah menyatakan bahawa; “jika peredaran cakerawala tidak terbatas, maka sesuatu yang tidak terbatas mesti berakhir, tetapi mustahil sesuatu yang tidak terbatas mesti berakhir, maka mustahil peredaran cakerawala mesti tidak terbatas”.<sup>15</sup> Tiga contoh yang diberikan ini menunjukkan bahawa al-Ghazali telah menggunakan daya imaginasi yang kritis dalam mengisbatkan kewujudan Allah SWT dengan mendatangkan elemen kewujudan alam dan peredaran cakerawala sebagai jalan untuk membuktikan kewujudan Allah SWT.

Menurut Ibnu Khaldun (1332-1406M) kemahiran berfikir berkait rapat dengan pendidikan. Dalam hal ini, pelajar tidak boleh diajar untuk menerima bulat-bulat apa yang diajar kerana ia dikatakan tidak “sihat” dan lama kelamaan akan mengakibatkan

---

<sup>13</sup> Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, ed. Muwaffaq Fawzi al-Jabr (Damsyik: Dar al Hikmah, 1994), 36.

<sup>14</sup> Abu Hamid, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, 36.

<sup>15</sup> Abu Hamid, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*.

kejumudan dalam pemikiran. Oleh sebab itu, salah satu ilmu yang boleh menajamkan akal fikiran ialah ilmu *mantiq* iaitu ilmu tentang cara berfikir yang berperanan untuk mengelakkan akal daripada melakukan kesilapan dan kesalahan.<sup>16</sup>

Jelas Ibnu Khaldun, berfikir ialah suatu bentuk hubungan yang wujud di sebalik perasaan dan melaluinya seseorang itu akan dapat membuat analisis dan sintaksis dengan mengaplikasikan akal secara hikmah dan falsafah.<sup>17</sup> Ketika menghuraikan makna tersebut, Ibnu Khaldun menyatakan, apabila seseorang ingin melakukan sesuatu perkara, ia perlu mengetahui sebab, akibat dan hal yang berhubungan dengan perkara tersebut. Justeru, fungsi akal adalah untuk mengerakkannya berfikir yang bertujuan untuk mengetahui benda yang ada (hawadith).<sup>18</sup>

Dalam memperincikan tentang pengertian berfikir, Ibnu Khaldun telah membezakan bahawa akal bukanlah otak, tetapi ia merupakan satu keupayaan untuk manusia memahami sesuatu di luar daripada dirinya. Hal ini menunjukkan bahawa akal menjadi pengupaya yang ada dalam diri manusia.<sup>19</sup> Dalam hal ini terdapat persamaan pandangan dengan John Dewey yang berpendapat manusia adalah makhluk yang boleh berfikir dan mereka menggunakan akalnya untuk mengadakan pembaharuan, perubahan dan kemajuan.<sup>20</sup>

Menurut Yusuf al-Qaradawi, al-Quran menyebut perkataan '*aql*' sebanyak 49 kali.<sup>21</sup> Jelas Ibn Kathir, kata '*aql*' yang terdapat di dalam al-Quran dirujuk daripada perkataan *ulu al-albab* yang

---

<sup>16</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun* (t.tp: Dar al-Fikr, t.t), 478-480; Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syarifudin, "Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1395M) dalam Dunia Pendidikan", (Prosiding Ibn Khaldun Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 9-10 Mei (2006)), 74-75.

<sup>17</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Susunan oleh Albir Nasri Nadir (Beirut: Dar al-Mashriq, 1986), 53; Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Ahmadi Thoha (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2005), 522.

<sup>18</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Ahmadi Thoha (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2005), 523.

<sup>19</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Tahqiq Albir Nasri Nadir (Beirut: Dar al-Mashriq, 1986), 57; Walidin, Warul AK, *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern* (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003), 109.

<sup>20</sup> John Dewey, *Democracy and Education* (New York: The MacMillan Company 1950), 340.

<sup>21</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an al-Karim* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 13.

memberi maksud “orang-orang yang berakal” dan ianya disebut sebanyak 16 kali. Contohnya seperti firman Allah SWT:

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْحَيِّثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْحَيِّثِ  
۱۰۰ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Surah al-Ma'idah, 5:100

Terjemahan: “Katakanlah, tidak sama yang buruk dengan yang baik, meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu, maka bertakwalah kepada Allah, hai orang-orang berakal, agar kamu mendapat keberuntungan.”

Ibn Kathir menjelaskan perkataan *ulu al-albab* bererti orang-orang yang memiliki akal yang benar dan lurus di mana mereka terhindar dari perkara yang haram dan menyeru kepadanya untuk berfikir dan merasa puas dan memadai dengannya.<sup>22</sup> Al-Qurtubi dan Sayyid Qutb mentafsirkan *ulu al-albab* yang bermaksud orang yang menggunakan akal untuk memerhatikan bukti-bukti,<sup>23</sup> memiliki dan menggunakan akal dan hati untuk mengerti dan mengambil pengajaran terhadap bukti-buktinya dan sentiasa berfikir.<sup>24</sup> Pengertian ini seakan-akan hampir sama dengan apa yang dinyatakan dalam Kamus *Munjid* iaitu perkataan *al-bab*, *al-lub* dan *al-bub* membawa maksud akal yang suci dari segala sesuatu, akal yang bersih dari sebarang cela.<sup>25</sup>

Menurut Saad al-Din al-Taftazani, akal adalah anugerah Allah SWT yang sangat berharga dan menjadi salah satu cara untuk memperolehi ilmu dan mencapai kebenaran selain dilengkapkan dengan pancaindera dan wahyu dari al-Quran dan *al-hadith*.<sup>26</sup> Oleh yang demikian, akal menjadi sumber ilmu terpenting yang berupaya mendapatkan pengetahuan melalui proses berfikir dan penaakulan

<sup>22</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 2: 129.

<sup>23</sup> Al-Qurtubi mentafsirkan ayat dalam Surah Yusuf; 12:11; 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' al-Ahkam al-Qur'an* (Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 5: 182.

<sup>24</sup> Sayyid Qutb mentafsirkan adakah orang yang mengetahui bahawasanya apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu benar sama dengan orang yang buta?. Hanyalah orang-orang yang berakal saja yang dapat mengambil pelajaran. Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1990), 4: 2015.

<sup>25</sup> *Al-Munjid fi al-Lughah Wa al-'Ilam* (Beirut: Dar al-Masyriq, 1994), 709.

<sup>26</sup> Sa'ad al-Din al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa (Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1988), 15-20.



akal.<sup>27</sup> Proses berfikir ini bukan hanya sekadar berfikir semata-mata tetapi ia memerlukan kepada keupayaan untuk kerap berfikir, pengamatan dan penghayatan dalam memberi makna.<sup>28</sup> Namun, ia berbeza sedikit dalam pengertian Kamus Dewan yang menyebut berfikir untuk menyelesaikan sesuatu dan mempertimbangkan.<sup>29</sup>

Menurut Mohd Azhar, berfikir merupakan segala proses mental-intelek, perasaan dan sensasi yang bukan hanya melibatkan proses-proses biologikal pada peringkat kognitif dan metakognitif tetapi perlu berlandaskan kepada keimanan.<sup>30</sup>

### **Isu dan Masalah**

Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan globalisasi semasa.<sup>31</sup> Dalam menghadapi cabaran semasa globalisasi, kebergantungan kepada ilmu pengetahuan yang bersifat teori semata-mata tidak boleh dititikberatkan sepenuhnya lagi kerana seseorang murid harus diberi kemahiran agar mereka dilatih dan diajar bagaimana cara untuk mengapikasi pengetahuan secara praktikal dengan menerapkan elemen kemahiran berfikir.<sup>32</sup> Menyedari betapa pentingnya pengajian akidah, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha menggubal kurikulum Pengajian Islam termasuklah kurikulum akidah agar ianya selari dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan

---

<sup>27</sup> Kamarul Azmi dan Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran* (Johor Baharu: Penerbit UTM Press, 2013), 153.

<sup>28</sup> *Al-Munjid fi Al-Lughah Wa Al-I'lam* (Beirut: Dar al-Masyriq, 1994), 591.

<sup>29</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 525.

<sup>30</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, *Pengenalan Pemikiran kritis dan Kreatif* (Skudai: UTM, 2001), 81.

<sup>31</sup> Zulkifli Hassan, *Revolusi Intelektual* (Petaling Jaya: Ilham Books, 2016), 48.

<sup>32</sup> Rajendran, N. S, *Teaching And Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory and Practise* (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008), 14.

kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”<sup>33</sup>

Namun, hasrat ini tidak mudah untuk dicapai kerana isu mengenai kemahiran berfikir dalam pengajaran akidah sering menjadi perdebatan dalam masyarakat sehingga ada yang menyifatkan elemen kemahiran berfikir dalam pendidikan akidah belum lagi mencapai tahap sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh FPK.<sup>34</sup> Isu ini turut dilaporkan berlaku di negara Pakistan yang berdepan dengan masalah kemahiran berfikir aras tinggi walaupun berbagai-bagai usaha telah dilakukan termasuklah melatih dan memperkenalkan program-program penambahbaikan, namun dapatan kajian menunjukkan ia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.<sup>35</sup>

Dalam kurikulum pendidikan akidah, konsep pemikiran kritis, kreatif dan menaakul ini terkandung dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan ia berada dalam komponen kemahiran kognitif. Ketiga-tiga konsep pemikiran tersebut adalah saling berkait antara satu dengan yang lain dan ia menjadi komponen-komponen penting dalam pendidikan di Malaysia.<sup>36</sup> Elemen

---

<sup>33</sup> Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

<sup>34</sup> Pendidikan Islam bukan hanya sekadar memindahkan maklumat, pengetahuan dan ilmu semata-mata, tetapi yang paling penting ilmu yang diperolehi itu dapat diaplikasikan demi membentuk sikap luhur, nilai dan berperibadi mulia seseorang. Lihat Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, “Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun”, *Jurnal Usuluddin* 27 (2008), 143.

<sup>35</sup> Saima Bibi & Saba Hanif, “Exploring Teacher Educators’ Knowledge About Critical Thinking: A Case from Pakistan”, *The Australian Journal of Teacher Education* 48 (2023), 30-31. Lihat; Cassum, S. H., Gul, R. B. and Profetto-McGrath, J., “Facilitators and Determinants of Critical Thinking in Classrooms: A Multidisciplinary Perspective in Higher Education in Karachi, Pakistan”, *International Journal of Nursing Education* 8(2) (2015), 61-64.

<sup>36</sup> Nursafra Mohd Zhaffar et al., “Elemen Pemikiran Kritis dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”, *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 1(2) (2017), 92.

kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran akidah telah dinyatakan secara spesifik dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dalam surat arahan ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan para guru agar memberi penekanan kepada pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta penyelesaian masalah semasa sesi pembelajaran murid.<sup>37</sup> Arahan yang diberikan itu merujuk kepada konsep, ciri-ciri dan pentaksiran yang terkandung dalam KBAT di mana setiap murid boleh mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.<sup>38</sup> Melalui kemahiran yang diterapkan semasa sesi pembelajaran diharapkan murid dapat berfikir dengan penuh hikmah bagi membolehkan murid dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam setiap amal perbuatan dan mematuhi segala perintah-Nya secara bersungguh-sungguh serta menghindari sifat mazmumah.<sup>39</sup> Kajian Rosnani (2011) mendapati guru Pendidikan Islam agak sukar untuk mengaitkan elemen sains dengan topik-topik akidah ketuhanan semasa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian tersebut juga mendapati murid-murid tidak dapat mengoptimumkan penggunaan daya fikir mereka, sekali gus menyebabkan mereka tidak mampu untuk berfikir pada tahap yang

---

<sup>37</sup>KP/KPPM/6 Jld.2 (22): Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat mulai Tahun 2017, 2 November 2016.

<sup>38</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), 7.

<sup>39</sup>Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi, "Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama", (Persidangan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak, 2011), 20-21 April 2011; Zoller, U. "Alternative Assessment As (Critical) Means of Facilitating HOTS-Promoting Teaching and Learning in Chemical Education." *Chemical Education Research and Practice in Europe* 2, no. 1 (2001), 9-1; Tajularipin Sulaiman et al., "Model of the Relationship Between Knowledge, Skills and Disposition of Alternative Assessment and Higher Order Thinking Skills Among Educators", *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 9, no. 12 (2019), 299. Namun, ketidaksediaan guru dalam pelaksanaan KBAT di sekolah juga menimbulkan pelbagai isu. Kebanyakan guru tidak bersedia walaupun guru telah diberi latihan dan kursus dan kesemuanya itu hanya dianggap sebagai menambahkan tugas guru. Lihat; Mohd Haidzir Yusoff@Jusoh & Norasmah Othman, "Isu dan Permasalahan Pentaksiran Alternatif Dalam Sistem Penilaian Di Malaysia", (e-Prosidang Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 24-25 April 2019); Rosnani Hashim & Suhailah Hussien, *The teaching of thinking in Malaysia*, Pusat Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, <http://irep.iium.edu.my/985/>. Pautan pada 7 Disember 2021.

lebih tinggi.<sup>40</sup> Selain itu, topik-topik yang berkaitan dengan akidah sama ada penggunaan ilmu 'aqli khususnya ilmu Sains *tabi'e* untuk akidah, dan *tazkiyyah al-nafs* adalah sangat penting untuk diperkasakan bagi pembentukan sahsiah murid.<sup>41</sup> Satu pertiga (801 responden) dari guru-guru Pendidikan Islam Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah menyatakan bahawa penerapan kemahiran elemen berfikir dalam pengajaran akidah berada hanya pada tahap memuaskan sahaja.<sup>42</sup> Sedangkan menurut Mohd Amirul Bashah, para guru Pendidikan Islam hendaklah mengorak langkah ke arah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif.<sup>43</sup> Selain itu, Laporan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati masih ramai dalam kalangan guru Pendidikan Islam sejak 1992 lagi gemar memilih menggunakan strategi pembelajaran secara menghafal. Proses pengajaran yang menggunakan kaedah menghafal sepenuhnya dalam pengajaran akidah akan merencatkan pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang dan kemahiran pengamalan agama yang mencukupi sebagai seorang Muslim.<sup>44</sup> Tinjauan ini mendapati ia berlaku kesan daripada sikap pihak sekolah yang terlalu mementingkan peperiksaan sehingga pemikiran kritis jarang diterokai.<sup>45</sup> Ketidakupayaan murid dalam menguasai KBAT ini bukan hanya berlaku semasa pengajaran

---

<sup>40</sup> Ketidakmampuan dalam berfikir akan memudahkan pihak Barat mempromosikan pemikiran pluralisme, liberalisme dan sebagainya melalui media massa. Lihat Rosnani Hashim et al., *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini* (Kuala Lumpur: IKIM, 2018), 100-122.

<sup>41</sup> Rosnani Hashim, "Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Penilaian dan Gagasan Pembaharuan dalam Konteks Semasa," (*Seminar Pendidikan Islam*, IKIM, 13 Disember 2011), 2.

<sup>42</sup> Rosnani Hashim et al., *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini* (Kuala Lumpur: IKIM, 2018), 1.

<sup>43</sup> Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli, "Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital", *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), (2022), 53.

<sup>44</sup> Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim dan Nursyamira Abdul Wahab, *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam, Isu dan Cabaran*, dlm. *Globalisasi: Cabarannya Terhadap Sumber Pendidikan Islam* (Bangi: Penerbit UKM, 2017), 73.

<sup>45</sup> Kajian Koo & Kassim pada tahun 2008 mengatakan bahawa 40% daripada murid yang berusia tujuh belas tahun tidak mempunyai kemahiran berfikir. Lihat Site Hadijah Harun et al., "Mengenal Pasti Tahap (KBAT) iaitu Menganalisis, Menilai dan Mencipta menggunakan Peta Pemikiran dalam Subjek Sains", *Jurnal Penyelidikan* 16, (2015), 218. Lihat Laporan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia sejak 1992 lagi mendapati keseluruhan murid masih mengamalkan strategi pembelajaran secara menghafal sehingga ada kajian pada tahun 2008 mendapati bahawa 40% daripada murid yang berusia tujuh belas tahun tidak mempunyai kemahiran berfikir.

akidah, tetapi turut terpias kepada kebanyakan mata pelajaran lain. Hasil laporan kajian yang dikeluarkan oleh Perunding Kestrel Education (UK) bersama 21 Century Schools (USA) mendapati pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih berada pada tahap amat rendah.<sup>46</sup> Walaupun kemahiran berfikir ini telah lama dilaksanakan di Malaysia iaitu sejak 1994, namun tahap penguasaannya belum lagi membanggakan.<sup>47</sup> Begitu juga dengan keputusan ujian antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) tahun 2009 menunjukkan kebolehan berfikir aras tinggi dalam kalangan murid-murid di Malaysia berada pada tahap yang tidak membanggakan berbanding negara-negara lain.<sup>48</sup> Kajian Rosnani et al. menyatakan apabila kemahiran berfikir yang memerlukan proses pembelajaran akidah dikaitkan dengan ilmu sains dengan akidah dalam membentuk kemahiran berfikir ia menjadi satu perkara yang sukar dan terbeban. Oleh itu, keberkesanan pengajaran akidah terhadap daya fikir murid akan menjadi kaku. Kesannya ialah murid tidak mampu untuk memberi maklum balas yang sewajarnya terhadap jawapan dan ini memperlihatkan sesuatu yang ada kekurangan mengenainya.<sup>49</sup>

---

<sup>46</sup> Bahagian Pembangunan Kurikulum, *Sukatan Pelajaran KSSR* (Kuala Lumpur: PPK KPM, 2012), 5.

<sup>47</sup> Site Hadijah, (International Conference on Global Education III, Human Resources Development Towards Global Economy Ekasakti Press University, Ekasakti Indonesia, 2015).

<sup>48</sup> Isu ini menimbulkan kebimbangan berkenaan dengan ketidakupayaan berfikir dalam generasi di Malaysia apabila status kedudukan Malaysia dalam Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) pada tahun 2007 mata pelajaran Matematik berada pada kedudukan ke 20 dan Sains pada kedudukan 21 dalam kalangan 49 buah negara. Bagi Programme for International Student Assessment (PISA) tahun 2009, prestasi Malaysia berada pada kedudukan ke-57 bagi Matematik dan Sains pada kedudukan ke-55. Lihat Site Hadijah Harun et al., "Mengenal Pasti Tahap (KBAT) iaitu Menganalisis, Menilai dan Mencipta menggunakan Peta Pemikiran dalam Subjek Sains", *Jurnal Penyelidikan* 2015 16, (2015), 217. Lihat juga Mohd Fauzi Hamat et al., "Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian di SMKA Negeri Melaka", *Afkar* 8 (2007), 207-208.

<sup>49</sup> Rosnani Hashim et al., *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini* (Kuala Lumpur: IKIM, 2018), 1. Lihat Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib dan Basri Husin, "Prinsip-Prinsip Ahl Al-Sunnah wa Al-jama`ah: Pengenalan dan Terjemahan Melayu Wasiyyah Imam Abu Hanifah", *Afkar Edisi Khas* (2014), 3. Kemahiran berfikir bukanlah satu bentuk yang terjadi secara semulajadi. Ia memerlukan satu usaha berterusan yang lebih terkedepan dan tinggi dan perlu dikembangkan melalui kaedah belajar yang tepat dan dilatih secara berterusan. Sehubungan dengan itu, gaya berfikir murid akan memperlihatkan

Sehubungan itu, penekanan kepada kemahiran berfikir menjadi fokus utama dalam kemahiran berfikir abad ke-21. *APEC Members Economy* (2008) telah mengenal pasti terdapat empat komponen utama yang mendasari kemahiran berfikir abad ke-21 bagi membentuk masyarakat yang progresif pada masa sekarang iaitu pembelajaran sepanjang hayat, penyelesaian masalah, pengurusan diri dan kerja berpasukan. *Partnership for 21<sup>st</sup> Century Skills* menambah kemahiran belajar dan inovasi yang didokong dengan pemikiran kritis, kreatif menjadi tonggak utama sebahagian daripada bentuk kemahiran masa kini yang perlu diperkasakan.<sup>50</sup> Sejajar dengan saranan di atas, salah satu daripada usaha yang sedang giat dilaksanakan dan diperkasakan oleh Negara ialah dengan melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan negara dan teras kepada pelaksanaan KBAT digunakan Teori Taksonomi Bloom.

### **Teori Taksonomi Benjamin Samuel Bloom, Lorin Anderson dan Model Kemahiran Berfikir (BPK)**

#### **Taksonomi Benjamin Samuel Bloom**

Teori Taksonomi Benjamin Samuel Bloom atau lebih dikenali dengan nama Taksonomi Bloom diperkenalkan oleh Benjamin Samuel Bloom (1913-1999 M). Beliau merupakan ahli psikologi pendidikan dari Lansford, Pennsylvania, Amerika Syarikat. Di antara buku-buku karangannya ialah *Taxonomy Of Educational Objectives: Handbook I, The Cognitive Domain* (With D. Krathwohl et al.) (1956), *Taxonomy of Educational Objectives, Volume II, The affective domain* (With B. Masia and D. Krathwohl) (1964), *Handbook on Formative and Summative Evaluation of Student Learning* (With J.T. Hastings, G.F. Madaus and others) (1971) dan *Developing Talent in Young People* (1985).<sup>51</sup>

Taksonomi berasal daripada bahasa Yunani iaitu “*taxis*” yang bermaksud penyusunan atau pengatur, manakala *nomos* pula

---

kematangannya berfikir secara kritis. Lihat juga Elder, L., & Paul, R., “Critical Thinking: Competency Standards Essential for the Cultivation of Intellectual Skills”, *Journal of Developmental Education* 34(2), (2010) 38-39.

<sup>50</sup> Tambah baik yang dilakukan ini adalah dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang mula diwar-warkan sejak tahun 2011.

<sup>51</sup> Elliot W. Eisner, Benjamin Bloom 1913–99, “Prospects: The Quarterly Review of Comparative Education” (Paris, UNESCO: International Bureau of Education), Vol. XXX, no. 3, September 2000. *UNESCO: International Bureau of Education*, (2000), 7.

bermaksud ilmu pengetahuan.<sup>52</sup> Dalam hal ini, Taksonomi merupakan satu bentuk penilaian untuk mengembangkan akal manusia untuk berfikir dengan lebih tersusun melalui domain kognitif. Taksonomi Bloom mengklasifikasikannya kepada tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Domain kognitif berkait dengan aspek pengetahuan dan pemikiran.<sup>53</sup> Bloom menggariskan domain kognitif ini kepada enam kategori iaitu;

### **Pengetahuan (*Knowledge*)**

Ia merangkumi hal yang berkait dengan mengingat semula tentang pelajaran yang pernah dipelajari dan tersimpan dalam ingatan. Jika diulang kembali ingatan (*recall*) atau mengingat semula (*recognition*) tentang makna istilah, definisi, fakta, pola, urutan, prinsip dan sebagainya.<sup>54</sup>

### **Pemahaman (*Comprehension*)**

Seseorang itu sudah berkeupayaan menggunakan akal untuk memahami makna dan maksud daripada pelajaran tersebut. Justeru, seseorang itu sudah berkebolehan untuk menghuraikan fakta tersebut lalu mengaitkan maklumat yang didapati itu ke dalam bentuk yang lain.<sup>55</sup>

### **Penerapan (*Application*)**

Seseorang itu sudah berkemampuan untuk menerapkan suatu kaedah atau metode untuk menghadapi suatu masalah yang baharu.<sup>56</sup>

### **Analisis (*Analysis*)**

Seseorang itu mampu untuk menyelesaikan isu yang kompleks agar menjadi lebih mudah dengan mengaitkan kepada maklumat-maklumat yang lain.<sup>57</sup>

---

<sup>52</sup> Muhammad Yaumi, *Prinsip-Prinsip Desain Pembelajaran* (Jakarta: Kencana, 2013), 88.

<sup>53</sup> Dimiyati & Mudjiono, *Belajar dan Pembelajaran* (Jakarta: Rineka Cipta, 2009), 298.

<sup>54</sup> Dimiyati & Mudjiono, *Belajar dan Pembelajaran*, 27.

<sup>55</sup> W. S. Winkel, *Psikologi Pengajaran* (Jakarta: Gramedia, 1987), 150.

<sup>56</sup> W. S. Winkel, *Psikologi Pengajaran*.

<sup>57</sup> John W. Santrock, *Psikologi Pendidikan*, terj. Tri Wibowo (Jakarta: Kencana, 2007), 468.

### **Sintesis (*Synthesis*)**

Kemampuan untuk membentuk satu pola yang baharu di mana seseorang itu berkeupayaan menggunakan akal untuk menghubungkan di antara satu dengan yang lain. Akhirnya, ia mampu untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.<sup>58</sup>

### **Evaluasi (*Evaluation*)**

Kemampuan akal seseorang untuk membuat pertimbangan atau penilaian terhadap sesuatu perkara setelah melalui proses pengetahuan, pemahaman, penganalisan dan berupaya mereka cipta sesuatu (penghasilan).<sup>59</sup>

Teori Taksonomi Bloom digunakan oleh pendidik untuk mengukur dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam pembelajaran. Terdapat tiga domain utama yang perlu dicapai iaitu kognitif (kemahiran intelektual), afektif (kemahiran generik) dan psikomotor (kemahiran praktikal teknikal). Sehubungan itu, domain ini disusun menjadi enam aras berbentuk piramid iaitu dari aras rendah hingga ke aras tinggi. Ia merangkumi aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.<sup>60</sup>

Di bawah ini disediakan Rajah 1 yang menjelaskan Teori Taksonomi Benjamin Samuel Bloom.

---


<sup>58</sup>W. S. Winkel, *Psikologi Pengajaran* (Jakarta: Gramedia, 1987), 151.

<sup>59</sup>Muhammad Yaumi, *Prinsip-Prinsip Desain Pembelajaran* (Jakarta: Kencana, 2013), 92.

<sup>60</sup>Nursyahidah Wahidah Masrom, et al., "Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam", *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1, no. 1 (2018), 18.



Rajah 1: Teori Taksonomi Benjamin Samuel Bloom (1956)



Sumber: Benjamin Samuel Bloom (1956)

### **Taksonomi *Lorin Anderson***

Lorin Anderson lahir pada tahun 1945 dan merupakan salah seorang anak murid kepada Bloom. Lorin Anderson telah memurnikan teori Taksonomi Bloom.<sup>61</sup> Tujuan Lorin Anderson memurnikan taksonomi yang baru ini adalah untuk merefleksikan sistem berfikir supaya lebih aktif jika dibandingkan dengan taksonomi sebelumnya dalam menciptakan tujuan pendidikan.<sup>62</sup> Tambah baik yang dilakukan ini khusus dalam domain kognitif dan telah diterbitkan dalam sebuah bukunya yang berjudul “A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom’s Taxonomy of Educational Objectives” yang disusun oleh Lorin W. Anderson dan David R. Karthwohl pada tahun 2001.<sup>63</sup> Dalam penambahbaikan ini ada perubahan pada kata kunci dengan mengubah penamaan yang semula menggunakan kategori kata benda menjadi kata kerja.<sup>64</sup> Tahap kategori ini bermula dengan hierarki rendah kepada yang lebih tinggi. Di bawah ini dinyatakan tahap berfikir menurut Anderson.

---


<sup>61</sup> Anderson, L. W. et al., *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom’s Taxonomy of Educational Objectives* (New York: Longman, (2001); Dimiyati & Mudjiono, *Belajar dan Pembelajaran*, 14.

<sup>62</sup> Muhammad Yaumi, *Prinsip-prinsip*, 92.

<sup>63</sup> Hamzah B. Uno, *Orientasi Baru*, 57.

<sup>64</sup> Muhammad Yaumi, *Prinsip-prinsip*, (2013), 92.

Rajah 2: Taksonomi Bloom Semakan Anderson



Sumber: Taksonomi Bloom Semakan Anderson (1900)

### **Model Kemahiran Berfikir (BPK)**

Model Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah diterapkan dalam Kurikulum Kebangsaan pada tahun 1994 melalui KBSR dan KBSM. Model ini masih diteruskan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Tujuan model ini dikekalkan kerana ia telah menjadi sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh dan memperkasa kemahiran berfikir. Tambah baik yang dilakukan dalam model ini ialah memasukkan dua lagi kemahiran iaitu kemahiran menaakul dan kemahiran membuat penilaian dalam menyelesaikan masalah.<sup>65</sup> Oleh yang demikian, aras rendah seperti kemahiran mengetahui dan kemahiran memahami masih dikekalkan. Namun dua kemahiran tersebut dianggap sebagai kemahiran berfikir aras rendah berbanding aras-aras seperti kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta yang dianggap sebagai kemahiran berfikir aras tinggi.<sup>66</sup>

Menurut KPM BPK (2014), kemahiran berfikir merangkumi kemahiran kreatif, kemahiran menaakul, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kritis, kemahiran berinovasi dan kemahiran membuat keputusan.<sup>67</sup> Keenam-enam kemahiran berfikir tersebut dipacu oleh empat bentuk aras berfikir yang tinggi seperti kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Walau bagaimanapun, kemahiran berfikir hendaklah berasaskan kepada nilai yang ada pada seseorang murid bagi membolehkan


<sup>65</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia BPK, 2014), 1.

<sup>66</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*.

<sup>67</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*, 3.

mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.<sup>68</sup> Sehubungan itu, Model Kemahiran Berfikir (BPK) menjangkakan murid akan dapat menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu dengan kreatif, kritis dan menaakul.

Rajah 3: Model Kemahiran Berfikir (BPK) (2014)



Sumber: KPM BPK (2014)

Kemahiran berfikir yang ditekankan oleh KPM BPK adalah berdasarkan semakan Hierarki Taksonomi Bloom yang disemak oleh Lorin Anderson (1900) yang dibentuk melalui aras mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.<sup>69</sup>

Rajah 4 di bawah ini menunjukkan Hierarki Aras Berfikir Bloom dan Anderson yang dijadikan panduan oleh KPM dalam membentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

<sup>68</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*, 4

<sup>69</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah* (Putrajaya: KPM BPK, 2014), 5.

Rajah 4: Hierarki Aras Berfikir Bloom dan Anderson (1900)



Manakala dalam Jadual 1 menunjukkan aras pemikiran dalam Hierarki Aras Berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan penerangannya sebagaimana yang diguna pakai dalam BPK, KPM.

Jadual 1: Aras Pemikiran dalam Hierarki Aras Berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Aras berfikir	Penerangan
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Memahami	Mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep.
Mengingat	Mengingat semula maklumat, fakta atau konsep.

Sumber: BPK, KPM (2014)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan enam bentuk pemikiran iaitu kemahiran mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, dan ia bermula dari aras rendah hingga aras tinggi.<sup>70</sup> Dalam menghuraikan maksud-

<sup>70</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah* (Putrajaya: KPM BPK, 2014), 11.

maksud tersebut, KPM telah menyediakan Jadual Matriks Kemahiran Berfikir yang mengandungi penerangan tentang bentuk pemikiran mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Jadual 2: Matriks Kemahiran Berfikir KPM

Bentuk Pemikiran	Tahap Operasi Kognitif
Mengingat	Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.
Memahami	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk menggunakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

Sumber: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah, Putrajaya: KPM BPK, (2014)

Pemeringkatan akal yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dengan apa yang terdapat dalam Taksonomi Bloom dalam kurikulum akidah (DSKP, KPM) mendapati terdapat sedikit persamaan dari aras berfikir. Jadual 3.7 di bawah ini menunjukkan perbandingan di antara aras berfikir Ibnu Khaldun.

Jadual 3: Perbandingan Aras Pemikiran Ibnu Khaldun dan KBAT (KPM)

Aras Pemikiran Ibnu Khaldun	Aras Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
4. Asbab wal Musabbab	4. Mencipta
3. Aqlu an-Nazari	3. Menilai
2. Aqlu Tajribi.	2. Menganalisis
1. Aqlu at-Tamyiz	1. Mengaplikasi

Sumber: Ibnu Khaldun, 2006; KPM, (2014)

Secara ringkasnya, Benjamin Samuel adalah individu pertama yang menyusun aras berfikir secara bersistematik. Tujuan beliau

berbuat demikian adalah untuk mengembangkan akal manusia supaya berfikir dengan lebih tersusun melalui domain kognitif. Idea yang diperkenalkan oleh beliau ini merangkumi aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Manakala, Anderson pula telah melakukan penambahbaikan terhadap teori Taksonomi Bloom. Cuma bezanya ialah terdapat perubahan pada kata kunci dengan mengubah penamaan yang semula menggunakan kategori kata benda menjadi kata kerja. Perubahan yang paling besar dilakukan oleh Anderson adalah mengubah aras berfikir mencipta sebagai yang paling tinggi dalam berfikir. Sedangkan dalam teori Bloom aras yang paling tinggi adalah menilai. Manakala, dalam Matriks Kemahiran Berfikir KPM pula mendapati terdapat ciri persamaan berfikir sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Khaldun dalam karya Muqaddimahnyanya.

### **Peserta dan Lokasi Kajian**

Kajian ini melibatkan sepuluh orang peserta kajian yang terdiri daripada Jurulatih Utama (JU) Negeri yang mewakili lima orang guru sekolah rendah dan lima orang guru sekolah menengah. Jurulatih Utama (JU) Negeri daripada sekolah rendah terdiri dari negeri Pulau Pinang yang mewakili zon utara, Jurulatih Utama (JU) Negeri dari negeri Johor yang mewakili zon selatan, Jurulatih Utama (JU) Negeri dari negeri Terengganu yang mewakili zon timur, Jurulatih Utama (JU) Negeri dari wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mewakili zon tengah dan Jurulatih Utama (JU) Negeri dari negeri Sabah yang mewakili zon Malaysia Timur. Manakala, Jurulatih Utama (JU) Negeri dari sekolah menengah pula adalah seramai lima orang yang terdiri dari negeri Pulau Pinang yang mewakili zon utara, Jurulatih Utama (JU) Negeri yang mewakili dari negeri Johor yang mewakili zon selatan, Jurulatih Utama (JU) Negeri yang mewakili dari negeri Pahang yang mewakili zon timur, Jurulatih Utama (JU) dari negeri yang mewakili dari negeri Selangor yang mewakili zon tengah dan Jurulatih Utama (JU) Negeri yang mewakili dari negeri Sabah yang mewakili zon Malaysia Timur.<sup>71</sup>

---

<sup>71</sup> Terdapat dua tujuan metode penentuan subjek kajian ini digunakan. Pertama adalah untuk menginterpretasikan fenomena yang berlaku dan kedua adalah untuk menganalisis pelbagai bentuk data seperti gambaran, tema dan pembelajaran yang telah dipelajari. Lihat Efriansyah, E. A., "Penggunaan Software Atlas.ti Sebagai Alat Bantu Proses Analisis Data Kualitatif," *Jurnal Pendidikan Matematika* 5(2) (2016), 53-63. Manakala tujuan

Pemilihan peserta kajian ini bermula dengan mendapatkan kebenaran dalam talian (online) daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjalankan temu bual dan selepas mendapat kelulusan pengkaji memohon pula kebenaran daripada UMReC. Kedua-dua surat tersebut telah diserahkan kepada peserta kajian bagi tujuan pemakluman dan persetujuan untuk menjadi peserta kajian.

Sebelum pemilihan dibuat pengkaji menetapkan dahulu bilangan peserta kajian yang akan terlibat dalam kajian ini iaitu seramai sepuluh orang. Seterusnya pengkaji menetapkan dua kategori dalam pemilihan tersebut iaitu lima orang Jurulatih Utama (JU) Negeri di peringkat sekolah menengah dan lima orang lagi di peringkat sekolah rendah. Senarai nama-nama Jurulatih Utama Negeri diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan proses pemilihan pertama adalah seramai dua belas orang dalam kalangan Jurulatih Utama (JU) Negeri. Pemilihan peringkat kedua dijalankan dengan bantuan beberapa pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia dan hanya sepuluh orang sahaja yang dipilih berdasarkan beberapa kriteria seperti: (a) kesanggupan peserta kajian untuk ditemu bual; (b) peserta kajian bersetuju bahawa sepanjang sesi temu bual ini berlangsung ianya dirakam dengan menggunakan perakam audio; (c) kepercayaan bahawa kesediaan dan komitmen Jurulatih adalah sangat tinggi dan dapat terlibat secara aktif semasa temu bual; dan (d) kepercayaan pengkaji bahawa peserta kajian dapat memberi penjelasan terhadap respons ketika memberi jawapan.

Memandangkan proses temu bual ini berlangsung dalam talian, maka semua peserta kajian telah diberikan penerangan tentang perlindungan bahawa setiap peserta kajian diberikan kod tertentu bagi menjaga etika kerahsiaan nama peserta kajian. Jadual 4 menunjukkan kriteria pemilihan sampel peserta kajian.

---

persampelan dalam kajian kualitatif adalah untuk memahami proses sosial berbanding memperoleh sampel informan. Aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah kompleksiti dan kekayaan data. Sehubungan itu, dalam menentu saiz sampel informan bukanlah satu keperluan kerana tujuan kajian kualitatif dilakukan ialah untuk memahami dan bukan membuat generalisasi. Maka, ketetapan jumlah atau jenis informan tidak menjadi isu disebabkan tiada peraturan khusus digunakan bagi menentu saiz sampel temu bual. Lihat Creswell, J. W., *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition* (London and Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 1988).

Jadual 4: Kriteria Pemilihan Sampel Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kriteria Pemilihan	Bilangan
Jurulatih Utama (JU) Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jurulatih Utama (JU) Negeri yang dilantik oleh KPM.</li> </ul>	10
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam Pendidikan, atau disebut sebagai guru kanan.</li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kemahiran tinggi dalam kurikulum dan pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam.</li> </ul>	

Sumber: Pengkaji (2023)

Jadual 5: Latar Belakang Peserta Kajian

Kod Peserta kajian	Umur	Jantina	Pengalaman
PKSM1	42	Lelaki	18 tahun
PKSM2	48	Lelaki	20 tahun
PKSM3	52	Perempuan	22 tahun
PKSM4	53	Lelaki	23 tahun
PKSM5	48	Lelaki	20 tahun
PKSR1	40	Perempuan	20 tahun
PKSR2	38	Lelaki	19 tahun
PKSR3	48	Lelaki	17 tahun
PKSR4	55	Lelaki	23 tahun
PKSR5	55	Perempuan	25 tahun

Sumber: Pengkaji (2023)


### Cabaran GPI dalam Mengaplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pengajaran akidah

Analisis data mendapati terdapat tiga cabaran terbesar yang menjadi penghalang kepada pengaplikasian KBAT di sekolah rendah dan menengah menurut perspektif Jurulatih Utama (JU) Negeri iaitu a) aspek individu guru, b) pentadbiran dan c) aspek murid dengan pelbagai interpretasi.

#### a) Aspek Individu Guru

Rajah 5 menunjukkan analisis *network* bagi sub tema aspek individu guru yang terhasil dalam tema cabaran guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasi KBAT menurut perspektif Jurulatih Utama (JU) Negeri.





Menurut Jurulatih Utama (JU) negeri, antara cabaran terbesar ialah isu individu guru itu sendiri. Terdapat segelintir guru yang berdepan dengan kekeringan idea semasa mengajar akidah. Oleh itu, kebanyakan guru akan mengambil jalan mudah dengan bergantung sepenuhnya kepada buku teks Pendidikan Islam dan akan menggunakan kaedah membaca dan menghafal. Hal ini menjadi cabaran terbesar dalam pelaksanaan KBAT. Ketidakupayaan dan potensi diri murid tidak dapat ditonjolkan sepenuhnya dan sekali gus kebolehan murid untuk berfikir secara kritikal sukar untuk dikenal pasti. Suasana pembelajaran akidah akan menjadi tidak efektif kerana peranan guru yang terhad seolah-olah tidak membuka ruang untuk murid mempersembahkan daya imaginasi yang kreatif, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Sekiranya keadaan ini berterusan boleh menyebabkan murid menjadi bosan dan sekaligus hilang minat untuk belajar akidah.<sup>72</sup>

Jurulatih Utama (JU) Negeri berpendapat tajuk yang berkaitan dengan Nama-nama Allah SWT memerlukan guru berfikir kreatif. Ia merupakan tajuk yang paling banyak perlu diajar dalam DSKP bidang akidah. Kepentingan guru menggunakan daya imaginasi yang kreatif adalah sangat perlu kerana tajuk tersebut

<sup>72</sup> PKSR1, PKSR2, PKSM3, PKSR5 dan PKSM4.

perlu diolah dan dikembangkan dalam bentuk konkrit kepada murid.<sup>73</sup> Oleh sebab itu, terdapat sesetengah guru yang kreatif mereka akan mewujudkan suasana persekolahan yang berbentuk Rabbaniyah seperti mengalunkan nasyid *al-Asma al-Husna* kepada murid setiap pagi. Tujuan guru berbuat demikian adalah supaya murid mudah menerima pembelajaran yang berkaitan dengan tajuk *al-Asma al-Husna*.<sup>74</sup>

Menurut Jurulatih Utama negeri, tidak ramai dalam kalangan guru yang gemar melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berbentuk *hands on*. Sedangkan ia merupakan satu kaedah pembelajaran yang bersifat KBAT dan sangat sesuai diterapkan dalam tajuk membuktikan kewujudan sifat Allah SWT yang Maha Kaya dan Pemurah. Dalam hal ini, murid perlu menghasilkan sebuah dokumentasi dengan membuat penilaian kritis berdasarkan bukti yang mereka telah perolehi bagi membuktikan kewujudan sifat Allah SWT. Dari situ, murid akan berfikir pada aras yang tinggi bagi mencari jawapan dan merekodkan maklumat tersebut menjadi satu dokumentasi, namun kekangan masa dan tugas guru yang berbagai menyebabkan guru sukar untuk mengaplikasikan pembelajaran secara *hands on*.<sup>75</sup>

Jurulatih Utama (JU) negeri juga berpendapat ada sesetengah guru yang tidak melihat DSKP sebagai satu kurikulum baharu yang serius. Oleh itu, guru perlu bersedia menerima perubahan dalam DSKP yang digunakan sekarang ini kerana kebanyakan tajuk-tajuk tersebut telah diringkaskan dan menjadi semakin kecil. Oleh itu, para guru perlulah bersedia untuk menambah dan memberi input-input yang baharu kepada murid. Terdapat juga dalam kalangan guru yang tidak bersungguh dalam memahami falsafah DSKP dan ia boleh merencatkan hasrat DSKP kerana dalam DSKP ada dinyatakan berkenaan dengan elemen 'rentas kurikulum'.<sup>76</sup>

Terdapat juga faktor sikap guru Pendidikan Islam yang tidak menunjukkan sikap bersungguh-sungguh dalam pengajaran akidah. Mereka mengajar seolah-olah sambil lewa dan tidak bermotivasi

---

<sup>73</sup> PKSR1, PKSR2, PKSM3, PKSR5 dan PKSM4.

<sup>74</sup> PKSR1.

<sup>75</sup> PKSR1, PKSR2, PKSR4, PKSM1, PKSM3 dan PKSM4. Lihat Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali, "Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21", (Proceeding of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, INSPIRE, 23-24 November (2019)), 87-88.

<sup>76</sup> PKSR1, PKSR 2, PKSR4, PKSM3, PKSM4 dan PKSM5.


semasa mengajar akidah. Tanggungjawab tersebut dilihat hanya untuk menghabiskan sukatan sahaja. Sedangkan guru perlu berfikiran kreatif dan kritis untuk menarik minat murid belajar akidah dengan mengaitkan elemen sains dalam pengajaran akidah.<sup>77</sup> Jika keadaan ini dapat dilaksanakan murid akan cepat faham tentang tajuk yang diajar kerana pembelajaran tersebut merupakan satu proses pembelajaran yang berbentuk inkuiri yang menarik. Dalil *'aqli* yang dikaitkan dengan elemen sains dalam pengajaran akidah berupaya merangsang inkuiri murid untuk berfikir secara kritikal. Sebagai contoh guru Pendidikan Islam boleh menggabungkan elemen Sains dan Matematik dengan akidah dalam membuktikan Allah SWT itu Maha Berkuasa. Murid boleh mengkajinya melalui tumbesaran biji benih yang akan membesar hari demi hari dan dapat diukur tumbesannya melalui Matematik. Murid juga boleh mengkaji tumbesaran biji benih itu akan hidup subur apabila cukup baja, air dan oksigen.

Rajah 6 menunjukkan analisis *network* bagi sub tema aspek pentadbiran peringkat dalaman dan luaran yang terhasil dalam tema cabaran guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasi KBAT menurut perspektif Jurulatih Utama (JU) negeri.

---

<sup>77</sup>PKSR5, PKSM2, PKSM4 dan PKSM5. Sains ialah ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Ia merupakan pengetahuan dan proses penemuan yang membenarkan seseorang menghubungkan fakta yang asing ke dalam pemahaman yang diterima akal dan menyeluruh di dunia yang semula jadi. Pengetahuan yang dihasilkan oleh sains adalah kuat dan boleh dipercayai. Lihat; Mohammad Syukor Mohammad Ghulam, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fakhru Adabi Abdul kadir, "Pengintegrasian Sains Kesihatan Dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi-Eksperime", *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, e-ISSN: 0128-2069, Volume 4, Issue 1, June (2019), 1. Lihat juga; Ismail, S. N., Muhammad, S., Omar, M. N., Shanmugam, S. K. S. & Rajoo, M., "The Practice of Critical Thinking Skills in Teaching Mathematics: Teachers' Perception and Readiness", *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(1), (2022), 1-30.

b) Pentadbiran Peringkat dalaman dan Luaran



Menurut Jurulatih Utama (JU) negeri cabaran kedua yang berlaku dalam kalangan Guru Pendidikan Islam adalah sikap pentadbir daripada sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang melihat kepada pencapaian murid berasaskan peperiksaan atau *base to exam oriented*. Keadaan ini memberi erti bahawa pencapaian murid perlu diutamakan bagi memastikan *target* dapat dicapai dan sekali gus menjadikan sekolah tersebut sebagai sekolah yang ‘hebat’. Keadaan ini boleh menyebabkan sesetengah guru terpaksa akur dengan *target* yang ditetapkan oleh pihak pentadbir. Dalam hal ini, terdapat sesetengah guru akan mengajar teknik bagi menjawab soalan-soalan yang berbentuk KBAT. Walhal, murid tidak pun berfikir KBAT dan hasil ujian mendapati murid-murid mendapat keputusan yang cemerlang. Biar pun perkara ini dianggap berat yang perlu dipikul oleh guru Pendidikan Islam, namun Guru Pendidikan Islam terpaksa menggunakan pendekatan sedemikian demi memenuhi *target* yang ditetapkan oleh sesebuah sekolah. Namun, Guru Pendidikan Islam juga sedar bahawa pembelajaran Pendidikan Islam adalah untuk murid-murid mempraktikkan akidah, amalan pensyariatian dan penghayatan akhlak bagi memenuhi tuntutan sebagai seorang Islam. Dalam masa yang sama

Guru Pendidikan Islam tidak menolak kepentingan untuk murid cemerlang dalam peperiksaan.<sup>78</sup>

Jurulatih Utama (JU) negeri juga berpendapat terdapat bebanan tugas luar yang perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam. Masa mengajar ada waktunya menjadi sangat terhad akibat pelbagai aktiviti pengurusan dan pengkeranian yang perlu dilaksanakan oleh guru. Keadaan ini menyebabkan proses membentuk KBAT tidak mencukupi. Dalam mengatasi masalah ini, guru Pendidikan Islam mengharapkan ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka belajar di rumah. Namun, tidak semua ibu bapa yang dapat berbuat demikian kerana mereka sibuk bekerja. Bagi ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang tinggi mereka akan menghantar anak-anak mereka belajar di pusat-pusat tuisyen. Namun, bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan akan membiarkan anak-anak mereka belajar sendiri.<sup>79</sup>


Rajah 7 menunjukkan analisis *network* bagi sub tema aspek murid dengan pelbagai interpretasi yang terhasil dalam tema cabaran guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasi KBAT menurut perspektif Jurulatih Utama (JU) negeri.

---

<sup>78</sup> PKSM3 dan PKSM4.

<sup>79</sup> PKSM1, PKSM2, PKSM3 dan PKSM5.

c) Aspek Murid Dengan Pelbagai Interpretasi



Menurut Jurulatih Utama (JU) negeri, faktor kepelbagaian interpretasi murid juga turut menjadi penghalang kepada pelaksanaan KBAT dalam pengajaran akidah. Pertama disebabkan masalah pengistilahan bahasa Arab yang terdapat dalam pembelajaran akidah. Perkara ini kadang-kadang menjadi masalah kepada murid khususnya kepada murid luar bandar dan pedalaman. Dalam bidang akidah terdapat banyak istilah bahasa Arab digunakan misalnya perkataan *'aqli* dan *naqli*. Sesetengah murid akan keliru penggunaan makna tersebut dan perbezaan makna di antara keduanya. Walaupun ia nampak mudah tetapi bagi murid di pedalaman ia menjadi perkara yang susah untuk difahami. Hal ini akan membantutkan usaha untuk mengembangkan KBAT dalam pengajaran akidah.<sup>80</sup>

Selain itu, faktor murid yang lemah dalam menguasai kemahiran membaca juga turut menyumbang kepada usaha mengaplikasikan KBAT. Kebanyakan murid bagi Tahun 1, 2 dan 3 serta Tingkatan 1 dan 2 paling ramai terkesan dengan masalah tersebut semasa negara di landa Covid 19. Murid-murid tidak dapat ke sekolah dan menyebabkan mereka tidak dapat menguasai

<sup>80</sup> PKSR1, PKSR2, PKSM3 dan PKSM4.

membaca rumi dan Jawi dengan baik. Perkara ini amat ketara ketika mana murid hendak membaca al-Quran. Murid tidak dapat membaca dalil *naqli* yang perlu difahami semasa pengajaran akidah. Sedangkan memahami *naqli* merupakan perkara asas dalam membentuk KBAT.<sup>81</sup>

Faktor lain ialah berpunca daripada masalah persekitaran murid. Dalam KBAT murid diajar cara untuk membuat keputusan berdasarkan kepada nilai yang dipelajari, namun apabila murid berada di rumah mereka tidak dapat mencontohi sebahagian besar nilai yang baik yang terdapat dalam persekitaran rumah mereka termasuklah daripada ibu bapa mereka sendiri. Dengan itu, murid akan melihatnya sebagai sesuatu yang bercanggah dengan apa yang telah diterapkan dalam KBAT dan hal ini menjadi salah satu faktor yang menghalang kejayaan dalam pemupukan KBAT dalam jiwa murid-murid.<sup>82</sup> Perkara ini akan menyebabkan murid menjadi keliru dengan dua situasi yang berbeza iaitu pengajaran di sekolah dan amalan praktik di rumah. Jika di sekolah amalan solat berjemaah sangat ditekankan oleh guru Pendidikan Islam dan guru mengharapkan tindakan ini akan menjadi satu pentabiatan kepada murid. Sebaliknya perkara ini tidak selari dengan apa yang diterapkan di sekolah. Selain faktor ibu bapa, rakan-rakan sebaya juga turut menghalang pemupukan KBAT dalam diri murid-murid.<sup>83</sup> Pengaplikasian KBAT dalam kalangan murid juga menjadi sedikit sukar jika murid itu datang dari keluarga yang baru memeluk Islam atau saudara baru (mualaf).<sup>84</sup>

Selain itu, salah satu perkara yang boleh memberi ancaman baharu dalam akidah murid ialah media sosial yang tidak terkawal.<sup>85</sup> Murid-murid yang terdedah dengan media sosial yang tidak terkawal boleh mengakibatkan mereka terlalu asyik dengan hiburan. Salah

---

<sup>81</sup> PKSR1, PKSR2, PKSM1 dan PKSM2.

<sup>82</sup> PKSR1, PKSM4 dan PKSM5.

<sup>83</sup> PKSR2, PKSM1, PKSM3 dan PKSM4.

<sup>84</sup> Hal ini merupakan satu cabaran yang hebat untuk guru seimbangkan antara kepentingan peperiksaan dan pentaksiran dengan keperluan untuk murid menguasai semua kemahiran. Lihat; Rahimah Embong, Shamilati Che Seman & Wan Mazwati Wan Yusuff, "Cabaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah Rendah", *MEDC*, 2016, 3.

<sup>85</sup> Hasil daripada perkembangan kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna menjadikan kesan dan pengaruh media bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar sahaja, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar. Lihat; Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, "Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial", *Attarbiawi: Malaysian Online Journal of Education* 1(2) (2017), 38.

satu daripadanya ialah melayari filem-filem yang berunsur menafikan kewujudan Allah SWT. Semasa negara di landa wabak Covid 19, murid-murid telah terdedah dengan dunia maya. Walaupun guru-guru sentiasa menasihati murid-murid agar mengakses bahan yang berautoriti untuk mencari maklumat, namun aspek kawalan masih di bawah tanggungjawab ibu bapa.<sup>86</sup> Ibu bapa yang tidak mengawal penggunaan internet telah mendorong murid-murid untuk menonton cerita-cerita yang tidak sepatutnya dan paling membimbangkan mereka terpengaruh dengan filem-filem yang mensyirikan Allah SWT dan mengelirukan akidah murid.<sup>87</sup> Pengaruh filem ini sangat memberikan kesan kepada pemikiran mereka. Oleh sebab itu, ada sesetengah guru menemui isu penyelewengan akidah dan input yang salah tentang Islam dalam kalangan murid-murid kerana mereka telah terpengaruh dengan filem dari luar negara.<sup>88</sup>

## **Kesimpulan**

Agama Islam sangat memberi perhatian kepada setiap umatnya supaya sentiasa berfikir. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranannya untuk membangunkan kesempurnaan akidah, dan utuh dalam membina kemuliaan akhlak muridnya melalui elemen berfikir aras tinggi. Namun, cabaran dalam memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bukanlah sesuatu yang mudah untuk diaplikasikan kerana terdapatnya beberapa halangan. Antara halangan tersebut adalah faktor individu guru Pendidikan Islam itu sendiri, isu yang berkait dengan pentadbiran pihak sekolah dan jabatan, dan isu yang berlaku pada diri murid. Oleh itu, dengan pengenalan pastian isu tersebut, maka wajarlah pihak guru bertindak dengan sebaik mungkin dengan melakukan perubahan dalam paradigma diri guru itu sendiri dengan memperkasakan ilmu-ilmu keguruan selari dengan keperluan semasa abad ke-21. Guru perlu bermujahadah dengan sepenuh hati dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik dengan membuat persediaan rapi dalam aspek membentuk KBAT kepada murid-murid. Manakala di pihak pentadbiran sekolah dan jabatan

---

<sup>86</sup> PKSR5, PKSM1 dan PKSM3.

<sup>87</sup> PKSR2, PKSM 3, PKSM4 dan PKSM5.

<sup>88</sup> PKSM1, PKSM2, PKSM3 dan PKSM5.



pula tidak boleh mengukur kemenjadian murid pada peperiksaan semata-mata kerana pentabiatan yang unggul tidak boleh diukur di atas sekeping kertas. Seterusnya dalam aspek murid pula perlu melihat kepada peranan ibu bapa kerana ibu bapa merupakan figura yang sangat berpengaruh dalam membentuk pemikiran luhur dan pentabiatan mulia anak-anak mereka. Seumpama kata pepatah Melayu, “kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

### Rujukan

- ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. *Al-Jami’ al-Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiyyah, 1996.
- Abdul Mujib M. Ag. *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*. Jakarta: Percetakan Jakarta, 1999.
- Abu Dawud. *al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Ash’ath al-Sajastani*. Beirut: Dar al-Fikr, 1994.
- Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. *al-Iqtisad fi al-I’tiqad* ed. Muwaffaq Fawzi al-Jabr. Damsyik: Dar al-Hikmah, 1994.
- Ahmad bin Hanbal, al-Imam Abu ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal al-Shaibani. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Misr: Dar al-Ma’arif, 1994.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. *Tafsir al-Maraghi*. Qaherah: Sharikah wa Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu bi Misr, Juz. 13, 1946.
- Anderson, L. W. dan Krathwohl, et al. *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision Of Bloom’s Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman, 2001.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad, “Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia,” *International Journal of Education and Training* 1(2) November: 2-(2015): 1-7.
- Azmil Hashim, “Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar di Sekolah Agama di Negeri Perak,” *Journal of Islamic and Arabic Education* 9 (1) (2017): 1-11.
- Buletin Anjakan, “Guru Abad ke 21”, Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Mac 2015, 1-2, Buletin Anyflip.

- Cassum, S. H., Gul, R. B., Profetto-McGrath, J., “Facilitators and Deterrents of Critical Thinking in Classrooms: A Multidisciplinary Perspective in Higher Education in Karachi, Pakistan”, *International Journal of Nursing Education*, 8(2), (2015) 61-64.
- Creswell, J. W., *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition*. London and Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 1988.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*, ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Dimiyati dan Mudjiono, *Belajar dan Pembelajaran*. Jakarta: Rineka Cipta, 2009.
- Efriansyah, E. A., “Penggunaan Software Atlas.ti Sebagai Alat Bantu Proses Analisis Data Kualitatif,” *Jurnal Pendidikan Matematika* 5, no. 2 (2016), 53-63.
- Elder, L., & Paul, R., “Critical Thinking: Competency Standards Essential for the Cultivation of Intellectual Skills”, *Journal of Developmental Education* 34, no.2, (2010) 38-39.
- Elliot W. Eisner, Benjamin Bloom 1913–99, “Prospects: The Quarterly Review Of Comparative Education” (Paris, UNESCO: International Bureau of Education), Vol. XXX, no. 3, September 2000. *UNESCO: International Bureau of Education*, (2000), 7.
- Al-Ghazali. Abu Hamid. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, juzuk 1, tahqiq ‘Ali Muhammad Mustafa dan Said al-Muhasini. Damsyik: Dar al-Faija’, 2010.
- Ibn Khaldun. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, susunan oleh Albir Nasri Nadir. Beirut: Dar al-Mashriq, 1986.
- \_\_\_\_\_. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, tahqiq Albir Nasri Nadir. Beirut: Dar al-Mashriq, 1986.
- \_\_\_\_\_. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Ahmadie Thoha. Jakarta: Pustaka Firdaus, 2005.
- Ibn Majah, al-Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwiniy. *Sunan Ibn Majah*. Misr: Dar al-Fikr, t.t.
- Ismail, S. N., Muhammad, S., Omar, M. N., Shanmugam, S. K. S. & Rajoo, M., “The Practice of Critical Thinking Skills in Teaching Mathematics: Teachers’ Perception and Readiness”, *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 19(1) (2022): 1-30.

- John Dewey. *Democracy and Education*. New York: The MacMillan Company, 1950.
- John W. Santrock. *Psikologi Pendidikan*, terj. Tri Wibowo. Jakarta: Kencana, 2007.
- Kamarul Azmi Jasmi. "Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru". Seminar Pendidikan Islam, Peringkat Kebangsaan, Anjuran Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, 30 Oktober 2011.
- Kamarul Azmi & Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Baharu: Penerbit UTM Press, 2013.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia BPK, 2014.
- Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim dan Nursyamira Abdul Wahab. "Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam, Isu dan Cabaran". Dalam *Globalisasi: Cabarannya Terhadap Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM, 2017.
- Mardhiah Yahaya & Aslam Farah Selamat. "Ke Arah Transformasi Pendidikan, Program Ulul Albab: Kajian Kes Mrsrm Ulul Albab", 4th International Conference On Islamiyyat Studies, Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi.Selangor, 18th - 19th September 2018.
- Mohamad Maliki Haji Ali et al., "Amalan Serapan Kemahiran Analitikal dalam Pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Menengah", 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education (ICIED), 2011.
- Mohammad Syukor Mohammad Ghulam, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi-Eksperime," *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 4(1) (2019): 1-13.
- Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli, "Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital," *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 2(1) (2022): 43-55.
- Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib dan Basri Husin, "Prinsip-Prinsip Ahl Al-Sunnah Wa Al-jama`ah: Pengenalan

- Dan Terjemahan Melayu Wasiyyah Imam Abu Hanifah,” *Afkar* Edisi Khas (2014): 1-36.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. *Pengenalan Pemikiran kritis dan Kreatif*. Skudai: UTM, 2001.
- Mohd Fauzi Hamat. “Kedudukan Mantik sebagai Mukadimah Ilmu: Satu Analisis Pandangan Imam al-Ghazali”, *Afkar* 3 (2002): 33-56.
- Mohd Fauzi Hamat et al. “Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian di SMKA Negeri Melaka”, *Afkar* 8 (2007): 207-240.
- Mohd Haidzir Yusoff@Jusoh dan Norasmah Othman. “Isu dan Permasalahan Pentaksiran Alternatif dalam Sistem Penilaian Di Malaysia.” E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 24-25 April 2019.
- Mohd Nasir Rayung, Abdul Said Ambotang dan Normiati Batjo. “Pengaruh Pengetahuan, Aplikasi Pengetahuan dan Keupayaan Imajinasi Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar,” *Jurnal Pemikir Pendidikan* (2023): 1-12.
- Muhammad Yaumi. *Prinsip-Prinsip Desain Pembelajaran*. Jakarta: Kencana, 2013.
- Al-Nawawi. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. “Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21”. Proceeding of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, INSPIRE, 23-24 November, 2019.
- Nursafra Mohd Zhaffar et al., “Elemen Pemikiran Kritis Dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”, *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 1(2) September (2017), 92.
- Nursyahidah Wahidah Masrom, et al. “Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam”, *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1(1) (2018): 18-26.
- Al-Qardawi, Yusuf, *‘Aql wa al-‘Ilm fi al-Qur’an*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. “Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisis”, *Afkar* 3(1) (2002): 57-80.

- Rajendran, N. S. *Teaching And Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory and Practise*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008.
- Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syarifudin. “Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1395M) dalam Dunia Pendidikan”. Prosiding Ibn Khaldun Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari, Peny. Azian Baharuddin, et al., Anjuran: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 9-10 Mei, 2006.
- Rosnani Hashim et al. *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IKIM, 2018.
- \_\_\_\_\_. “Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Penilaian dan Gagasan Pembaharuan dalam Konteks Semasa.” *Seminar Pendidikan Islam*, IKIM, 13 Disember 2011.
- Rosnani Hashim & Suhailah Hussien. *The Teaching of Thinking in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, <http://irep.iium.edu.my/985/>. Pautan pada 7 Disember 2021.
- Al-Taftazani, Sa’ad al-Din. *Sharh al-‘Aqa’id al-Nasafiah*, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa. Kaherah: Maktabah al-Kuliyah al-Azhariah, 1988.
- Saima Bibi & Saba Hanif. “Exploring Teacher Educators’ Knowledge About Critical Thinking: A Case From Pakistan,” *The Australian Journal of Teacher Education* 48 (2023): 16-36.
- Sayyid Qutb. *Fi Zilal al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Shuruq, 1990.
- Site Hadijah Harun et al. “Mengenali Tahap (KBAT) iaitu Menganalisis, Menilai dan Mencipta menggunakan Peta Pemikiran dalam Subjek Sains”, *Jurnal Penyelidikan* 16 (2015).
- Sohair Abdul Moneim Sery. *Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1990.
- Sufean Hussin. “Cabaran Menyeluruh Dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Untuk Masa Depan Malaysia”. Seminar Transformasi Pendidikan Nasional, Peringkat

- Kebangsaan, Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 9-10 Mei 2014.
- Suganti Ealangov. *Kertas Konsep: Strategi dan Cabaran Pengajaran Kemahiran Berfikir Secara Kreatif*. Jeli Kelantan: Politeknik Jeli Kelantan & Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK), 2022.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. *Epistimologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Tajularipin Sulaiman et al. "Model of the Relationship Between Knowledge, Skills and Disposition of Alternative Assessment and Higher Order Thinking Skills Among Educators", *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 9, no. 12 (2019): 297-309.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain, "Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun", *Jurnal Usuluddin*, no. 27 (2008): 141-156.
- W. S. Winkel. *Psikologi Pengajaran*. Jakarta: Gramedia, 1987.
- Walidin, Warul AK. *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*. Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003.
- Yusuf al-Qaradawi. *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- \_\_\_\_\_. *al-Islam: Hadarah Al-Ghad*. Kaherah : Matba'ah al-Madani, 1995.
- Zoller, U., "Alternative Assessment As (Critical) Means Of Facilitating HOTS-Promoting Teaching And Learning In Chemical Education," *Chemical Education Research And Practice in Europe* 2(1) (2001): 9-17.
- Zulkifli Hassan. *Revolusi Intelektual*. Petaling Jaya: Ilham Books, 2016.